

PROGRAM PENGHAJIAN ISLAM

**AMBILAN
MEI &
OKTOBER**

Syariah . Usuluddin . Bahasa Arab . Kemahiran Membaca Al-Quran

Kursus Pengajian SYARIAH/USULUDDIN

PENGENALAN

Kursus persijilan ini ditawarkan kepada seluruh masyarakat awam yang berminat untuk mendalami ilmu Syariah dan Usuluddin sebagai bekal perjalanan hidup. Kursus ini disusun dengan mengutamakan asas-asas kefahaman Islam, konsep dan seterusnya kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan kehidupan seharian.

Bagi anda yang tidak mempunyai pengetahuan asas agama Islam atau Bahasa Arab, nota pengajaran disediakan dengan bahasa yang mudah difahami dan huraian yang jelas. Peserta akan dapat mengikuti dan memahami perkembangan semasa, merungkai segala persoalan yang menjadi tanda tanya, meningkatkan tahap pemikiran dan menajana ketenangan jiwa. Kursus ini pasti memberi pengalaman yang menarik.

FAEDAH

Kursus ini ditawarkan dalam 3 Modul (Modul 1, Modul 2 dan Modul 3) yang berasingan. Pelajar diminta memilih mana-mana modul yang ingin diikuti terlebih dahulu tetapi sebaiknya dimulakan dengan modul 1. Pelajar yang tamat mengikuti mana-mana modul dan ingin mengambil modul yang berikutnya perlu memohon sekali lagi. Setiap modul akan diugerahkan sijil kursus. Kursus akan dikendalikan dalam bentuk kuliah dan perbincangan. Peperiksaan akan diadakan setelah tamat setiap modul.

- Membezakan antara kesucian agama Islam dengan ideologi-ideologi dan isme-isme yang lain.
- Memahami hukum-hukum fiqh dan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh masyarakat berkaitan hukum Islam semasa.
- Melahirkan peribadi unggul, berintegriti, jujur dan amanah serta menjauhi perilaku dan sikap yang negatif.
- Menjadi individu yang mempunyai pandangan yang kritis dan menerima perbezaan pendapat terutamanya perkara yang melibatkan perbezaan mazhab.
- Menjadi pendidik dan pendakwah dalam masyarakat bagi melahirkan modal insan yang berkualiti kepada negara.

METODOLOGI KURSUS

Kursus ini ditawarkan dalam 3 Modul (Modul 1, Modul 2 dan Modul 3) yang berasingan. Pelajar diminta memilih mana-mana modul yang ingin diikuti terlebih dahulu tetapi sebaiknya dimulakan dengan modul 1. Pelajar yang tamat mengikuti mana-mana modul dan ingin mengambil modul yang berikutnya perlu memohon sekali lagi. Setiap modul akan diugerahkan sijil kursus. Kursus akan dikendalikan dalam bentuk kuliah dan perbincangan. Peperiksaan akan diadakan setelah tamat setiap modul.

Kod Kursus : KPS/KPU

TEMPOH PENGHAJIAN

Kursus dijalankan secara separuh masa selama 4 bulan bagi satu modul iaitu 32 jam kuliah keseluruhannya.

KELAYAKAN MASUK

- ✓ Calon berumur 15 tahun ke atas
- ✓ Kelayakan Bahasa Arab atau Pengetahuan Agama Islam tidak diperlukan*

*Calon yang memohon hanya perlu menyertakan salinan IC/Pasport semasa permohonan.

YURAN KURSUS

Yuran pengajian sebanyak RM350/modul (Tertakluk kepada perubahan semasa). Nota kursus disediakan.

LOKASI

- Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UnISHAMS), Kuala Ketil & Alor Setar
- Kolej Antarabangsa TAJ (TIC), Ipoh

STRUKTUR PROGRAM (KURSUS PENGHAJIAN SYARIAH)

MODUL 1

IYS101 Pengantar Kepada Syariat Islam
IYS102 Pengajian Al-Quran
IYS103 Pengajian Al-Sunnah
IYS104 Amalan Ijtihad

MODUL 2

IYS201 Sistem Ibadat Islam
IYS202 Sistem Kekeluargaan Islam
IYS203 Sistem Jenayah dalam Islam
IYS204 Sistem Muamalat Islam

MODUL 3

IYS301 Syariat Islam dan Masyarakat Malaysia
IYS302 Sistem Politik Islam
IYS303 Sistem Pengadilan Islam
IYS304 Pentadbiran Syariah Islam di Malaysia

STRUKTUR PROGRAM (KURSUS PENGHAJIAN USULUDDIN)

MODUL 1

IUS101 Asas Akidah 1
IUS102 Pengajian Tafsir
IUS103 Pengajian Hadith
IUS104 Sirah Rasulullah

MODUL 2

IUS201 Pemikiran Islam
IUS202 Akhlak Islam
IUS203 Asas Dakwah
IUS204 Asas Akidah 2

MODUL 3

IUS301 Tasawuf
IUS302 Perbandingan Agama
IUS303 Aliran Pemikiran Islam
IUS304 Falsafah Islam

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

UM, Kuala Lumpur
Ifritah : 019-240 2115
Yazid : 03-7967 6138
Azmeel : 03-2246 3610

UnISHAMS
Pejabat : 04-415 5019
Muzani : 019-4935326

TIC
Ahmad Al-Amin : 011-2057 7722
Nasrul : 013-8259067

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN UNIVERSITI MALAYA
Aras 9, Wisma R&D Universiti Malaya, Jalan Pantai Baharu, 59990 Kuala Lumpur.
Faks : 03-2246 3613 / 03-7967 6016 E-mel: umcced@um.edu.my

Permohonan secara atas talian :
<http://emohon.umcced.edu.my/>

Sertai komuniti



www.umcced.edu.my

PROGRAM PENGAJIAN ISLAM

Syariah . Usuluddin . Bahasa Arab . Kemahiran Membaca Al-Quran

Kursus BAHASA ARAB

PENGENALAN

Kod Kursus : KBA

Kursus persijilan ini ditawarkan kepada seluruh masyarakat awam yang berminat mempelajari serta mendalami bahasa Arab khususnya untuk tujuan memahami teks-teks ibadat, al-Quran al-Karim dan Hadis serta ilmu-ilmu agama. Boleh dikatakan bahawa kursus ini merupakan kursus bahasa Arab untuk tujuan khas, iaitu memahami ajaran Islam melalui pemahaman bahasa Arab yang terdapat dalam sumber dan kitab-kitab agama.

Pada peringkat permulaannya kursus ini akan memberi penekanan kepada kemahiran bahasa Arab mengenai kehidupan peribadi dan perkara-perkara asas dan umum seperti pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya. Seterusnya penekanan diberikan kepada bahasa Arab yang digunakan dalam ibadat, al-Quran al-Karim dan Hadis. Pada peringkat akhir, penekanan diberikan kepada bahasa Arab yang digunakan dalam buku-buku agama seperti syariah, usuluddin dan sebagainya, di samping pengenalan kepada ilmu balaghah. Sepanjang program ini, struktur-struktur nahu Arab akan diajar secara praktikal beserta latihan-latihannya.

METODOLOGI KURSUS

Kursus ini ditawarkan mengikut tiga peringkat berasingan. Peserta akan dibahagikan dan ditentukan kumpulan mengikut tahap pengetahuan dalam kursus melalui ujian penempatan. Kursus dijalankan secara separuh masa selama enam bulan bagi satu peringkat iaitu 96 jam kuliah. Tawaran dibuat untuk setiap peringkat. Peperiksaan akan diadakan setelah tamat satu-satu peringkat.

STRUKTUR PROGRAM (KURSUS BAHASA ARAB)

PERINGKAT 1 : Kemahiran Bahasa Arab

- Kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bercakap mengenai kehidupan peribadi, pendidikan, kemasyarakatan, dan kesihatan.
- Struktur asas nahu Bahasa Arab (fokus kata nama).

PERINGKAT 2 : Bahasa Arab Penghayatan Islam

- Teks berkaitan ibadat, ayat al-Quran, al-Hadith, akhlak dan sejarah.
- Struktur nahu premier (fokus kata kerja, kata terbitan dan komponen utama ayat).

PERINGKAT 3 : Bahasa Arab Ilmu Islam

- Teks berkaitan Syariah, Usuluddin dan disiplin lain ilmu-ilmu Islam.
- Struktur nahu sekunder berkaitan komponen pengembangan ayat dan gaya bahasa.
- Pengenalan ilmu balaghah.

TEMPOH PENGAJIAN

Kursus dijalankan secara separuh masa selama 6 bulan bagi satu peringkat iaitu 96 jam kuliah keseluruhannya.

KELAYAKAN MASUK

- Calon berumur 15 tahun ke atas
- Kelayakan Bahasa Arab atau Pengetahuan Agama Islam tidak diperlukan*

*Calon yang memohon hanya perlu menyertakan salinan IC/Pasport semasa permohonan.



UNIVERSITI
MALAYA
PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN



Kursus Kemahiran MEMBACA AL-QURAN

PENGENALAN

Kod Kursus : KMA

Kursus persijilan ini ditawarkan kepada seluruh masyarakat awam yang berminat mempelajari serta mendalami al-Quran al-Karim.

Pada peringkat permulaannya kursus ini akan memberi penekanan kepada pengenalan dan asas membaca al-Quran. Bagi peserta yang langsung tidak boleh membaca al-Quran, peringkat ini amat sesuai kerana peserta akan diajar bermula dari mengenal huruf dan mengeja. Seterusnya penekanan terhadap kemahiran membaca termasuk kelancaran bacaan dan dapat mengenal pasti tempat hukum tajwid dalam bacaan. Pada peringkat akhir, penekanan diberikan kepada ilmu Tajwid yang akan mendedahkan peserta dengan lebih mendalam juga termasuk hafazan surah-surah lazim. Sepanjang program ini, peserta akan diajar dan dibimbing secara praktikal beserta latihan-latihannya.

METODOLOGI KURSUS

Kursus ini ditawarkan mengikut tiga peringkat berasingan. Peserta akan dibahagikan dan ditentukan kumpulan mengikut tahap pengetahuan dalam kursus melalui ujian penempatan. Kursus dijalankan secara separuh masa selama 6 bulan bagi satu peringkat iaitu 96 jam kuliah. Pengajian dikira mengikut sistem modular iaitu 32 jam bagi setiap modul. Tawaran dibuat untuk setiap peringkat. Peperiksaan akan diadakan setelah tamat satu-satu peringkat.

STRUKTUR PROGRAM (KURSUS KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN)

PERINGKAT 1: Asas Kemahiran Al-Quran

Modul 1: Pengenalan kepada huruf-huruf al-Quran. Peserta didedahkan dengan perkara-perkara asas dalam pembelajaran al-Quran iaitu pengenalan kpd huruf-huruf al-Quran dan tanda baris beserta bunyi yang betul (makhraj).

Modul 2: Peserta didedahkan dengan gabungan-gabungan huruf yang membentuk kalimah atau perkataan beserta dengan hukum-hukum asas seperti mad, idgham, izhar, dengung (ghunnah) dan lain-lain hukum asas.

Modul 3: Kesenambungan Modul 1 dan 2. Peserta didedahkan dengan kalimah-kalimah al-Quran yang membentuk ayat-ayat untuk dipraktikkan.

PERINGKAT 2 : Kemahiran Al-Quran

Peserta dibimbing mempraktikkan bacaan pada surah-surah pendek dan panjang untuk memantapkan penguasaan bacaan mereka.

Modul 1: Surah-surah lazim: Surah an-Nas sehingga al-Dhuha

Modul 2: Surah-surah pilihan: Surah Yasin, al-Mulk dan al-Insan dan lain-lain.

Modul 3: Surah al-Baqarah

PERINGKAT 3 : Tajwid Al-Quran

Peserta didedahkan dengan tajwid teori dan dilatih tubi dengan bacaan betul mengikut hukum-hukum tajwid secara mendalam.

Modul 1: Pengenalan ilmu tajwid beserta dengan makhraj dan sifat huruf.

Modul 2: Peserta didedahkan dengan hukum-hukum mad.

Modul 3: Peserta didedahkan dengan hukum wakaf dan ibtida'.

YURAN KURSUS

Yuran Pengajian : RM1,250.00 (Termasuk nota kursus)
Yuran Ujian Penempatan : RM 10.00

LOKASI

- Universiti Malaysia, Kuala Lumpur
- Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil & Alor Setar
- Kolej Antarabangsa TAJ (TIC), Ipoh